

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 25 NOVEMBER 2019

SOALAN NO. 26

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mengkaji semula dasar dan mekanisme pembiayaan biasiswa Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang diperkenalkan oleh pada tahun 2016 di mana model biasiswa telah ditukar kepada perjanjian pinjaman.

**JAWAPAN: YB TUAN MOHAMED HANIPA BIN MAIDIN
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelaksanaan Pinjaman Boleh Ubah (PBU) sedia ada adalah berasaskan tempat berkhidmat sepertimana keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 7 Mac 2016. Pelajar yang telah menamatkan pengajian boleh dikecualikan / dikurangkan kadar bayaran balik pinjaman bergantung kepada sektor perkhidmatan atau tempat berkhidmat seperti berikut:

- i. Sektor Awam - dikecualikan bayaran balik sepenuhnya;
- ii. *Government Link Company*: bayaran balik 25% daripada jumlah keseluruhan;

- iii. Syarikat swasta dalam negara : bayaran balik 50% daripada jumlah keseluruhan; dan
- iv. Selain yang dinyatakan : bayaran balik 100% daripada jumlah keseluruhan.

Walaupun bagaimanapun, selepas beberapa tahun pelaksanaannya, didapati PBU ini boleh menyebabkan pelajar menanggung beban hutang yang tinggi dan tempoh bayaran balik yang panjang terutama bagi pelajar yang melanjutkan pengajian ke luar negara disebabkan kos pengajian yang tinggi.

Justeru, JPA sedang dalam tindakan penambahbaikan mekanisme pinjaman daripada PBU berasaskan tempat berkhidmat kepada berasaskan merit kecemerlangan supaya pelajar tidak terbeban dengan hutang yang tinggi selepas tamat pengajian.